

Transformasi Pendidikan Mengungkap Peradaban Bangsa

OLEH: ABDUL GHANI ABU

“Kita mewarisi legasi sistem pendidikan negara daripada pimpinan terdahulu. Justeru kita perlu bijak menguruskan legasi sistem pendidikan ini,” demikian antara ucapan Perdana Menteri, YAB Dato’ Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada Majlis Pelancaran Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin pula dalam baris awal ucapannya menyatakan, “Sistem pendidikan di Malaysia telah menempa banyak kemajuan sepanjang lebih lima dekad yang lalu. Hasil daripada Laporan Razak (1956), kemudiannya Laporan Rahman Talib (1960), Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), penggabalan Akta Pendidikan 1996, sehinggalah yang terakhir Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010), sistem pendidikan kita telah mencatat beberapa kejayaan yang membanggakan.”

Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya melalui pengalaman bersama-sama dalam sejarah. Setiap kelompok etnik memiliki set nilai sendiri yang mengikat anggota-anggota kelompoknya. Tambah unik lagi apabila negara ini melalui pengalaman sejarah dijajah selama lebih 400 tahun, iaitu oleh Portugis, Belanda, Inggeris,

kemudian ditakluk oleh Jepun, dan akhirnya kembali kepada penjajah Inggeris sebelum negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Tentu dalam tempoh beratus tahun ini, negara mewarisi kepelbagaian budaya yang ditunjangi oleh penduduk majoriti, iaitu masyarakat Melayu, diikuti oleh masyarakat Cina, India, dan etnik utama di Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian ini merupakan manifestasi kepada kedudukan geografi negara sebagai negara perdagangan maritim-ulung pada masa dahulu.

Sutan Takdir Alisjahbana lebih dua dekad yang lalu menyatakan, kedudukan strategik Asia Tenggara (termasuk Malaysia) di persimpangan jalan antara Timur dengan Barat telah membolehkan rantau ini menjadi “pusat pertembungan dan peleburan” tradisi budaya besar dan menghasilkan “budaya tinggi sekunder” yang dibina berasaskan agama-agama besar, khususnya Islam sehingga berupaya melahirkan kehidupan agama, sastera, dan intelektual yang subur di rantau ini.

Maka wujudlah kepelbagaian bangsa yang mendiami negara ini yang disatukan melalui semangat

toleransi dan dimanifestasikan menerusi kontrak sosial. Hal inilah legasi yang kita warisi dan terus hormati. Dalam hal sistem pendidikan ini, walaupun pada peringkat sekolah rendah terdapat dua jenis sistem pendidikan, iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah vernakular, namun melalui sistem pendidikan nasional dibayangkan bahawa satu kesatuan jiwa, ketaatan, dan pemusatan, tumpuan terhadap kegiatan atau keperluan negara dalam kalangan rakyat boleh diwujudkan. Hal ini dilaksanakan melalui penggunaan sukatan pelajaran yang seragam, dengan matlamat akhirnya untuk “menyeragamkan” rakyat yang nantinya akan digembleng sebagai suatu bala tentera untuk kemajuan negara dan berjuang mempertahankan negara dalam peperangan.

Lima prinsip rukun negara, iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan,

Budaya menjadi pengikat dan penguat hidup bermasyarakat di negara ini.



Kedaulatan Undang-undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan, menjadi teras utama dalam penyatuan bangsa. Doktrin ini disampaikan dan diserapkan ke dalam jiwa murid bagi memastikan kelangsungan identiti masyarakat Malaysia terus diwarisi oleh setiap murid. Rukun Negara diperkenalkan selepas negara mengalami kegoyahan perpaduan yang serius selepas Peristiwa 13 Mei 1969.

Walaupun sebelum itu, terdapat penggabalan dua sistem pendidikan, iaitu Laporan Razak pada tahun 1956, dan Laporan Rahman Talib pada tahun 1960, namun proses pengukuhan perpaduan pada peringkat akar umbi perlu dimantapkan. Hal tersebut merupakan cabaran awal sistem pendidikan negara, iaitu melahirkan generasi yang mengakar dalam diri mereka kepentingan perpaduan.

Bahasa digunakan sebagai wahana mengikat perpaduan antara kaum sama ada di sekolah mahupun melalui komunikasi awam. Maka lahirlah Bulan Bahasa Kebangsaan dan Kempen Cintailah Bahasa Kita. Hal ini merupakan pemupukan budaya dalam kalangan masyarakat.

Bagi mengukuhkan perpaduan bangsa dengan semangat kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1979 diperkenalkan. Antara lain dasar ini menyebut tiga teras utama, iaitu berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau, unsur-unsur kebudayaan lain wajar diterima, dan Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Memetik tulisan Profesor Ulung Dr. Shamsul Amri Baharuddin, dalam tulisannya yang berjudul “Evolusi Budaya Nasional”, dalam bukunya *Budaya yang Tercabar*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007:

“Pada tahun 1980an, kerajaan merasakan bahawa isu kebudayaan kebangsaan dan perdebatan yang berkisar di sekitarnya masih berlaku, biarpun kadangkang hangat, tetapi dalam



Penyeragaman sistem pendidikan bertujuan melahirkan modal insan yang beridentiti nasional.

keadaan terkawal. Maksudnya, pertentangan itu hanya bersifat ‘wacana’ dan ‘intelektual’, bukan bersifat tindakan praktikal yang boleh membahayakan hubungan kaum di Malaysia. Hal ini merupakan satu pertimbangan penting kepada kerajaan. Implikasi daripada pentadbiran ini jelas (penubuhan Kementerian Belia dan Sukan). Kerajaan kini melihat ‘budaya’ sebagai satu komoditi dagangan yang penting, khususnya komponen ‘seni’ dalam kebudayaan. Yang penting, budaya ini dikaitkan langsung dengan industri pelancongan, suatu industri yang kian meningkat sumbangannya terhadap pendapatan negara ketika itu. Yang lebih signifikan, keterbukaan kerajaan mentafsir ‘budaya nasional Malaysia’ kerana yang diperagakan untuk umum dan pelancong bukan sahaja budaya Melayu, malahan budaya serta kesenian kaum di Malaysia. Tarian naga kaum Cina dipromosikan secara besar-besaran, manakala perayaan Thai Pusam untuk kaum India yang beragama Hindu juga menerima perhatian pihak Kementerian. Keterbukaan pihak Kementerian dalam mentafsir budaya Malaysia amat menarik kerana hal ini berkait dengan konsep wawasan 2020, yang akhirnya bertujuan untuk mewujudkan ‘bangsa Malaysia’ yang bersatu padu pada tahun 2020 dengan menggunakan

acuan masyarakat Malaysia. Ternyata acuan tersebut bersifat ‘inklusif’, yakni yang memasukkan komponen budaya kaum bukan Melayu juga, dan tidak lagi berunsur ‘eksklusif’, yakni semata-mata mengandungi komponen Melayu, seperti yang dianjurkan pada tahun 1970-an dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.”

Persekitaran budaya masyarakat Malaysia terus berubah, seperti kata Perdana Menteri, semasa ucapan pada majlis pelancaran laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan bahawa, “Zaman kerajaan memonopoli kebijaksanaan telah berlalu Kerajaan akan memastikan bahawa setiap ringgit yang datang daripada pembayar cukai digunakan sebaik-baiknya bagi memastikan keberhasilan yang sebaik-baik mungkin.

“Matlamat kita adalah untuk memastikan setiap anak Malaysia tidak kira dari kumpulan etnik, mampu merealisasikan potensi kurniaan Tuhan yang dimiliki oleh mereka. Yang membezakan ialah sama ada dia (pelajar) sanggup berusaha atau tidak.

“Malaysia merupakan negara transisi, iaitu sedang mengalami perubahan dari negara ekonomi berpendapatan sederhana tinggi kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Dua corak perbezaan ekonomi sedang dilalui, iaitu pertama corak ekonomi terdahulu yang berasaskan tanah, buruh, dan modal.

Kedua, corak ekonomi semasa, iaitu berasaskan pengetahuan, teknologi, dan inovasi. Cabaran kepada kerajaan ialah mewujudkan peluang pekerjaan yang belum wujud," demikian ujar Perdana Menteri.


Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran mengorak langkah menghasilkan sistem pendidikan yang berteraskan lima ciri aspirasi utama, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan.

Melalui aspirasi perpaduan, murid yang berumur antara tujuh hingga 17 tahun menghabiskan satu perempat daripada masa mereka di sekolah. Oleh sebab itu, sekolah berperanan untuk mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan murid. Melalui interaksi bersama murid lain dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik, dan belajar untuk memahami, menerima serta menghayati perbezaan, suatu perkongsian pengalaman dan aspirasi dapat dibentuk.

Persoalannya, sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan Sekolah Wawasan dan Rancangan Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang pernah dilancarkan sebelum ini? Dalam hal yang sama, bagaimanakah pengukuhan murid di sekolah melalui aktiviti silang budaya? Adakah cukup dengan persembahan kebudayaan pada acara rasmi atau lebih daripada itu penghayatan nilai silang budaya perlu dilaksanakan? Kewujudan pelbagai sistem persekolahan, seperti sekolah kebangsaan, sekolah vernakular, sekolah persendirian, dan sekolah antarabangsa, juga mencurigakan dalam hal melaksanakan pelbagai aktiviti silang budaya ini.

Konsep penerimaan serta penghayatan perbezaan budaya merentas kurikulum perlu jelas bagi

memastikan guru dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada murid. Apatah lagi dengan pesepatan teknologi maklumat dan komunikasi yang membolehkan murid-murid mengakses maklumat dari pelbagai wahana, bakal memberikan kesan negatif jika elemen positif dalam pembelajaran silang budaya gagal diserapkan.



"Kita mewarisi' lapasi kemerdekaan yang perlu dijaga dan dipelihara"

Pada peringkat murid-murid pula, Pelan Pembangunan Pendidikan ini menyasarkan enam ciri aspirasi utama, iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, serta identiti nasional.

Dalam aspirasi identiti nasional ini, dinyatakan bahawa identiti nasional yang kukuh terikat dengan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk kejayaan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama, atau status sosioekonomi. Semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri setiap murid dengan cara memahami sejarah negara, dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara. Demi mewujudkan

identiti nasional yang sebenar, semangat kukuh cintakan tanah air diperlukan. Identiti nasional akan dapat dicapai bukan hanya melalui belajar memahami, tetapi juga menerima serta menghayati hakikat kepelbagaian.

Dalam mengilap potensi pelajar dan membina pelapis modal insan dalam bidang seni dan budaya, Kementerian Pelajaran Malaysia

melalui Persidangan Perancangan Strategik pada tahun 2004 telah membuat keputusan untuk menubuhkan sekolah seni, iaitu Sekolah Seni Kuching, Sarawak dan Sekolah Seni Johor Bahru.

"Kesemua kegiatan kesenian yang telah dialami dan diharungi oleh anak didik Sekolah Seni Kuching (SSK) ini, bukan sahaja memberikan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi

dalam bidang teater, tari, muzik dan seni visual, malahan secara langsung mendidik anak-anak seni membangun secara holistik. Kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif, mengurus emosi dengan penuh tabah, memantapkan amalan kerohanian dan menitikberatkan kesihatan fizikal yang berterusan telah dan akan sentiasa dipupuk dalam kalangan anak didik SSK.

"SSK seperti sekolah menengah biasa, muridnya merupakan golongan remaja yang mengharungi zaman yang amat mencabar. Amalan mengenali nama pelajar, bertegur sapa dan sentiasa mengajak mereka berfikir dalam apa-apa sahaja tindak tanduk sentiasa diutamakan. Melalui

cara ini diharapkan amalan berfikir baik atau buruk sesuatu tindakan akan dapat dibudayakan dalam diri pelajar," ujar Pengetua Sekolah Seni Sarawak, Dr. Sluhi Amat.

Dalam merangka Pelan Pembangunan pelan Pendidikan, sembilan bidang keutamaan yang dikenal pasti hasil daripada Laporan Penilaian Pendidikan Negara, iaitu:

1. Memartabatkan profesion keguruan.
2. Meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah.
3. Meningkatkan kualiti sekolah.
4. Memantapkan kualiti kurikulum dan penaksiran.
5. Meningkatkan penguasaan pelbagai bahasa.
6. Mengukuhkan penglibatan ibu bapa, sektor swasta dan masyarakat sebagai rakan kongsi dalam pendidikan.
7. Menyediakan kesediaan murid untuk merebut peluang dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerja.
8. Memperbaiki kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber.
9. Membina kemampuan serta keupayaan sistem penyampaian pendidikan.

Antara bidang keutamaan tersebut ialah meningkatkan kesediaan murid untuk merebut peluang dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerja. Dalam merebut peluang ini, nilai tambah murid yang dihasilkan melalui sistem pendidikan adalah penting. Kejayaan akademik semata-mata tidak menjamin pemilihan daya kepimpinan yang tinggi. Di kebanyakan negara dunia, usaha melahirkan modal insan yang berkarisma untuk memimpin tadbir urus yang baik amat dititikberatkan.

Justeru peranan pemimpin seni budaya dalam hal ini amat signifikan. Kita memerlukan pemimpin yang bukan sahaja mempunyai

ketajaman pemikiran yang tinggi, tetapi dalam masa yang sama mempunyai kemahiran komunikasi dan berinteraksi yang baik. Seni teater contohnya dapat memupuk daya keyakinan yang tinggi untuk berinteraksi dan berkomunikasi.

Pengenalan mata pelajaran Pengurusan Budaya sebagai pilihan mata pelajaran di luar bidang pengajian teras di beberapa buah universiti tempatan mempunyai kerelevanan yang amat positif. Hal ini bagi melengkapkan jati diri mahasiswa holistik yang hendak dilahirkan. Mereka bukan sahaja mendalam ilmu bidang teras, tetapi mampu memupuk semangat cintakan budaya bangsa.

Bagi memastikan kelangsungan pelan ini dan dalam merencanakan transformasi sistem pendidikan negara, maka 11 anjakan telah digariskan oleh kerajaan, iaitu:

1. Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.
2. Memastikan setiap murid fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
3. Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai.
4. Transformasi keguruan sebagai profesion pilihan.
5. Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.
6. Mengupayakan Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan.
7. Memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.
8. Mentransformasikan kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian Kementerian.
9. Bekerjasama dengan ibu

bapa komuniti, dan sektor swasta secara meluas.

10. Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.
11. Meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung.

Maka dalam tempoh 13 tahun, pelan ini akan dilaksanakan dalam tiga gelombang yang utama. Gelombang Pertama (2013-2015) dengan matlamat mengubah sistem dengan memberikan sokongan kepada guru dan memberikan fokus kepada kemahiran utama. Gelombang Kedua (2016-2020) dengan matlamat memacu peningkatan sistem. Gelombang Ketiga (2021-2025) dengan matlamat untuk menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan tadbir urus sendiri.

Dalam tempoh mendatang, sistem pendidikan terus dimantapkan dengan perubahan sistem dan anjakan paradigma murid seterusnya perubahan persekitaran masyarakat selari dengan perubahan corak ekonomi negara. Dalam masa yang sama juga, kemajuan terus merubah gaya hidup masyarakat. Begitu juga dengan nilai dan budaya masyarakat turut serta dalam arus perubahan ini. Namun begitu, akar dan luhur budi yang menjadi teras budaya tidak harus dikorbankan atas nama perubahan dan kemajuan. Sebaliknya, atas prinsip menerima perbezaan silang budaya, perpaduan terus menjadi tunjang utama keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini. Sekali lagi budaya menjadi elemen pengikat dan penguat masyarakat yang mana penekanan awal menerusi sistem pendidikan amatlah penting. Walaupun sistem pendidikan negara terus berubah, namun jati diri murid yang beridentiti nasional tetap menjadi keutamaan. **db**